

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
SEMPENA PERASMIAN MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT
KUKUM DI KAMPUS KUKUM KUBANG GAJAH, ARAU PADA 2 NOVEMBER
2004.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN
SALAM SEJAHTERA.

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN
REKTOR KUKUM,

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA KUKUM,

YANG BERUSAHA ENCIK ABDUL JALIL RAMLI, PENERUS
JAWATANKUASA PENGANJUR MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT
KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN

DAN WARGA KERJA KUKUM YANG DIKASIHI.

BERSYUKUR KITA KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA
DAN IZIN-NYA DAPAT JUA KITA BERSAMA –SAMA MELUANGKAN MASA
DAN WAKTU UNTUK MENGIKUTI DAN SETERUSNYA MENGHAYATI MAJLIS
TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT KUKUM PADA HARI INI BERSEMPENA
DENGAN SAMBUTAN RAMADAN 1425 HIJRAH PERINGKAT KUKUM.

PERTAMA SEKALI SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS
KEPADA EN. ABDUL JALIL RAMLI SELAKU PENERUS JAWATANKUASA
PENGANJUR MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT KUKUM DAN AHLI-
AHLI JAWATANKUASA PROGRAM INI KERANA TELAH BERJAYA

MERANGKA KERJA, MELAKSANA UPACARA MENGANJURKAN MAJLIS
TILAWAH AL-QURAN PADA TAHUN INI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

KEMERDUAN DAN KEENAKKAN ALUANAN BACAAN AL-QURAN ADALAH
MANIFESTASI KEINDAHAN DAN KETERTIBAN BAHASA YANG TERDAPAT
PADA KITAB SUCI YANG DITURUNKAN OLEH ALLAH S.W.T. BERBAGAI-
BAGAI KAEDAH DAN GAYA BAHASA DIGUNAKAN UNTUK
MENYERLAHKAN KEINDAHAN BAHASA AYAT-AYAT SUCI AL-QUR'AN.

INI TERBUKTI, SEHINGGA KINI TIADA SIAPA YANG MAMPU MENCIPTA
WALAUPUN SATU AYAT BAGI MENANDINGI KEINDAHAN BAHASA AL-
QURAN, WALAUPUN SETELAH LEBIH 1400 TAHUN CABARAN YANG
DIKEMUKAKAN KEPADA MEREKA YANG INGKAR DAN MERAGUI
KEBENARAN AL-QURAN.

PENGANJURAN MAJLIS TILAWAH AL-QURAN INI BUKAN SEKADAR UNTUK
MEMPERDENGARKAN KEMERDUAN ATAU KELUNAKAN SUARA PARA
QARI ATAU QARIAHNYA TETAPI APA YANG LEBIH PENTING ADALAH
MESEJ YANG HENDAK DISAMPAIKAN DAN PENGERTIANNYA KEPADA
PENONTON.

PENGHAYATAN KEPADA KANDUNGAN AYAT SUCI AL-QURAN TERUTAMA
DI BULAN RAMADAN INI DIHARAPKAN AKAN MEMBERI KITA INSPIRASI
DAN GALAKAN UNTUK KITA LEBIH BERUSAHA MENDEKATKAN DIRI PADA
ILAH. SEPERTI MANA MAKSUD AYAT DI BAWAH INI ...

**"BULAN RAMADAN YANG PADANYA AL-QURAN DITURUNKAN
UNTUK MENJADI SATU PETUNJUK BAGI MANUSIA, DAN SEBAGAI
BUKTI-BUKTI YANG JELAS DARI PETUNJUK ITU, DAN PEMBEZA. MAKA**

HENDAKLAH ORANG-ORANG ANTARA KAMU YANG MENYAKSIKAN (HADIR) PADA BULAN ITU, BERPUASA; DAN SESIAPA YANG SAKIT, ATAU DALAM PERJALANAN, MAKA SEBILANGAN DARI HARI-HARI YANG LAIN. ALLAH MENGHENDAKI KEMUDAHAN BAGI KAMU, DAN TIDAK MENGHENDAKI KESUKARAN BAGI KAMU; DAN AGAR KAMU MENCUKUPKAN BILANGAN, DAN MENGAGUNGKAN ALLAH, BAHAWA DIA TELAH MEMBERI PETUNJUK KEPADA KAMU SUPAYA KAMU BERTERIMA KASIH." (2:185)

PADA HARI AHAD YANG LALU KITA TELAHPUN MENYAMBUT ULANG TAHUN TURUNNYA AYAT AL-QURAN YANG PERTAMA KEPADA MANUSIA ATAU LEBIH KITA KENALI SEBAGAI *NUZUL QURAN*. SEBAGAIMANA YANG KITA TAHU, AYAT YANG PERTAMA DITURUNKAN KEPADA MANUSIA YANG BERMAKSUD:

“BACALAH. DENGAN NAMA TUHANMU YANG TELAH MENJADIKAN KALAM. DIA TELAH MENCIPTAKAN MANUSIA DARI SEGUMPAL DARAH. BACALAH, DAN TUHANMU LAH YANG MAHA PEMURAH, YANG MENGAJAR (MANUSIA) DENGAN PERANTARAAN KALAM. DIA MENGAJARKAN KEPADA MANUSIA APA YANG TIDAK DIKETAHUIINYA. (QS. AL-'ALAQ: 1-5)

AL-QURAN TELAH MENGAJAK DAN MENYERU MANUSIA UNTUK MEMBACA. MEMBACA ADALAH JAMBATAN ILMU. KERANA ILMU LAH YANG AKAN MENINGKATKAN DARJAT DAN MARTABAT INSAN DI DUNIA INI. DENGAN ILMU, MANUSIA DAPAT MENGUASAI DAN MENGURUSKAN ALAM, MENGEKSPLOITASIKAN SEGALA NIKMAT KURNIAAN-NYA UNTUK KEMUDAHAN DAN KESEJAHTERAAN MANUSIA.

ILMU ADALAH PENGGERAK DAN NADI UTAMA SESEBUAH TAMADUN DUNIA. KITA TAHU TAMADUN ROM, TAMADUN YUNANI, TAMADUN ISLAM, TAMADUN BARAT DAN TAMADUN-TAMADUN LAIN DI DUNIA TELAH MEMBERI BANYAK SUMBANGAN BESAR KEPADA KEMAJUAN MANUSIA SEJAGAT.

KEHEBATAN TAMADUN-TAMADUN TERSEBUT SEMESTINYA TERHASIL DARIPADA KEMAJUAN ILMU YANG DICAPAI; SAMA ADA ILMU SAINS, ILMU TEKNOLOGI, ILMU PEPERANGAN, ILMU PEMBUATAN SENJATA, ILMU PELAYARAN, DAN PELBAGAI ILMU LAGI. BERTITIK-TOLAK DARIPADA PERKEMBANGAN ILMU INILAH YANG MENJADIKAN TAMADUN-TAMADUN TERSEBUT BERKEMBANG DENGAN HEBAT DAN GEMILANG.

DIKESEMPATAN INI SAYA INGIN MENGINGATKAN DIRI SAYA DAN HADIRIN SEMUA SEBAGAI WARGA KUKUM MENGENAI MISI DAN VISI KITA IAITU UNTUK **MEREALISASIKAN ASPIRASI NEGARA DAN MENYUMBANG KE ARAH KETAMADUNAN DUNIA DENGAN MENJADI INSTITUSI AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN YANG BERTARAF DUNIA BAGI MENJANA PEMIMPIN TERBILANG NEGARA.**

MISI DAN VISI KITA INI HANYA AKAN MENJADI SATU IMPIAN DAN ILUSI SAHAJA DAN TIDAK MAMPU UNTUK KITA JADIKAN KENYATAAN SEKIRANYA KITA TIDAK MEMULAKAN DENGAN DIRI KITA SENDIRI UNTUK MENGUASAI ILMU. KITA HARUS SENTIASA MENGINGATKAN TEKAD KITA ITU DENGAN BERUSAHA MEMULAKAN USAHA KE ARAH MENCAPAI MISI DAN VISI TERSEBUT DENGAN DIRI KITA TERLEBIH DAHULU DENGAN MENINGKATKAN ILMU PENGETAHUAN SAMA ADA ILMU AGAMA, SAINS DAN TEKNOLOGI, ILMU KEMANUSIAAN, ILMU PENGURUSAN DAN SEBAGAINYA.

INSYA-ALLAH, SAYA YAKIN DAN PERCAYA SEKIRANYA SELURUH WARGA KUKUM TELAH MEMULAKAN USAHA INI SEDIKIT DEMI SEDIKIT, KITA AKAN MELIHAT HASILNYA NANTI DALAM TEMPOH YANG TELAH DITETAPKAN.

JUSTERU, SEMPENA BULAN YANG PENUH BERKAT DAN KEMULIAAN INI, MARILAH KITA MEMPERBAHARUI TEKAD DAN USAHA KITA UNTUK MENINGKATKAN ILMU DAN KETAQWAAN KITA KEPADA ALLAH S.W.T. SEMAKIN BERILMU SESEORANG HAMBA ALLAH ITU, SEMAKIN DIA INSAF, TUNDUK DAN YAKIN PADA KEESAAN ALLAH. JADILAH KITA UMPAMA PADI SEMAKIN TUNDUK SEMAKIN BERISI.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN SEKALI LAGI UNTUK MERAKAMKAN UCAPAN TAHNIAH KEPADA JAWATANKUASA PENGANJUR MAJLIS TILAWAH QL-QUR'AN PERINGKAT KUKUM DAN SEMUA PIHAK YANG TELAH TERLIBAT SECARA LANGSUNG MAHUPUN TIDAK LANGSUNG DALAM PENGANJURAN PROGRAM INI.

INSYALLAH, KITA AKAN MENERUSKAN PROGRAM-PROGRAM SEUMPAMA INI DI MASA-MASA AKAN DATANG. SEMOGA DENGAN PENGANJURAN MAJLIS SEPERTI INI AKAN DAPAT MELAHIRKAN WARGA KUKUM YANG BERPOTENSI UNTUK DIKETENGAHKAN DALAM BIDANG TILAWAH AL-QURAN. DENGAN LAFAZ BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM SAYA MERASMIKAN MAJLIS TILAWAH AL-QUR'AN PERINGKAT KUKUM 2004 INI. SAYA SUDAHI DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.